



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

PIB
PROFESSIONAL MUTAWWIF
DEVELOPMENT

NGANI MEMORANDUM PERSEFAAMAN (I
ANTARA
MARAWAK



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

INFOKAMPUS

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Sarawak
94300 Kota Samarahan,
Sarawak,
Malaysia
+6082 677 200

ISSN: 2232-1578



9 772232 157005



19th "CHINESE BRIDGE" Chinese Proficiency Competition

Author:
Ting Hie Ling

The "Chinese Bridge" is a Chinese Proficiency Competition for Foreign College Students and known for a large-scale international contest. This competition is important as a platform for international college students to learn the Chinese language and culture. Students who won the preliminary rounds held in their countries will be qualified to participate in the semi-finals and finals which will be held in China. As a reward, the winners will have the opportunity to receive a scholarship and further their studies in China.

19th "Chinese Bridge" Chinese Proficiency Competition for Foreign College Students Malaysia Regional Preliminary 2020 was organized by Kongzi Institute, Universiti Malaya on 27th June 2020. However, due to the Covid-19 pandemic, the organizer decided to conduct

the competition virtually. The competition involved testing the participants on Chinese language proficiency, general knowledge of China, Chinese cultural talent, and comprehensive learning abilities. In addition, the participants were asked to answer the quizzes through Quizziz in the morning session. The quiz was monitored by a moderator through ZOOM.

NUR SYA'ANAH BINTI JENAL from Diploma in Business Studies (BA111) who was supervised by Miss Ting Hie Ling represented UiTM Sarawak, Mukah Campus to participate in the competition. She won a consolation prize with cash prize RM100. Congratulations on her achievement!

Keusahawanan dan inovasi adalah kunci kebolehpasaran dan kejayaan sesuatu produk dan perniagaan dalam dunia masa kini. Para pelajar UiTM Cawangan Sarawak sangat bertuah kerana diberi pendedahan awal melalui Program Product Idea Innovation Showcase (PRIDE) yang dianjurkan oleh Unit MASMED dan Tunas Mekar UiTM Cawangan Sarawak. PRIDE merupakan platform untuk para pelajar mempamerkan kreativiti dan inovasi mereka dalam mencipta sesuatu produk baru yang kemudian akan dinilai oleh panel-panel penilai yang dilantik dari pelbagai fakulti. Pihak universiti juga akan membantu produk yang terpilih dengan menawarkannya kepada syarikat yang berminat untuk membantu mengkomersilkan produk berkenaan.

BMC Video Competition merupakan salah satu pengisian program di bawah PRIDE Showcase pada sesi Mac-Julai 2020 ini yang diadakan secara dalam talian berikutan wabak pandemik Covid19. BMC Video Competition

ini telah disertai oleh 150 pelajar yang mendaftar kursus Teknologi Keusahawanan (ENT600) dari pelbagai program seperti dari program Ukur Bahan, Seni bina, Sukan dan Rekreasi. Perlindungan serta lain-lain program bukan dari fakulti pengurusan perniagaan.

Para pelajar perlu menghantar video tentang produk mereka berdasarkan templat Business Model Canvas melalui Youtube. Penilaian dibuat berdasarkan kriteria berikut: kreativiti, idea, nilai komersial produk dan kandungan. Sebanyak 15 video BMC telah dipilih sebagai video terbaik dan pemenang telah mendapat wang tunai sebanyak RM100 seorang. Tahniah kepada semua pemenang!



Business Model Canvas Video Competition: MENGETENGAHKAN CARA BARU DALAM PRIDE SHOWCASE

CiteFest Championship adalah satu pertandingan kemahiran pencarian maklumat disasarkan kepada pelajar-pelajar daripada Fakulti Pengurusan Maklumat. Pertandingan ini dianjurkan oleh Association of Information Scientist (AIS), Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan. Tujuan program ini adalah untuk memupuk minat pelajar terhadap penghasilan sitasi yang berkualiti serta meningkatkan kemahiran sitasi pelajar, disamping memberi peluang kepada para pelajar untuk berkomunikasi dengan peserta-peserta daripada semua kampus Fakulti Pengurusan Maklumat di seluruh Malaysia. Pertandingan ini telah diadakan pada 7hb dan 8hb November 2020 melalui platform atas talian.

Sebanyak 32 kumpulan telah menyertai pertandingan ini, termasuk 2 penyertaan dari Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Cawangan Sarawak. Kumpulan BLINKS terdiri daripada (Valerie Cole anak Imbang, Nursyahmina Nadhrah Mohamad Nordin, Allesandra Debra anak Lion) dan Pensyarah Penasihat (Pn. Nurfaizah Kamarudin) dan Kumpulan Hornbills

CiteFest

CHAMPIONSHIP

Pengarang:
Nurfaizah Kamarudin

yang diwakili oleh (Nur Fatimah Amirah Raduan, Suhanidawati Ani, Dayang Nurulnazirah Awang Nong Che) dan Pensyarah Penasihat (Cik Suhaida Halamy). Kumpulan BLINKS daripada FPM UiTM Cawangan Sarawak telah memperolehi Anugerah Emas dan turut berjaya melayakkan diri ke pusingan akhir bagi merebut gelaran juara "CiteFest Warrior". Manakala Kumpulan Hornbills berjaya memperoleh Anugerah Perak. FPM UiTM Cawangan Sarawak telah memenangi tempat ke-3 secara keseluruhan.





INFOKAMPUS

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Sarawak
94300 Kota Samarahan,
Sarawak,
Malaysia
+6082 677 200

ISSN: 2232-1578



9 772232 157005